Wadah Pembaharuan
BH ONLINE

Anwar tiba di Doha untuk lawatan rasmi 3 hari

Oleh Adha Ghazali - Mei 13, 2024 @ 3:21am
adha@bh.com.my

DOHA: Datuk Seri Anwar Ibrahim tiba di sini malam ini untuk memulakan lawatan rasmi tiga hari ke Qatar.

Kunjungan Perdana Menteri ketika kedua-dua negara meraikan hubungan dua hala 50 tahun sejak 1974 adalah bersempena jemputan Emir Qatar, Sheikh Tamim bin Hamad Al Thani.

Ketibaan beliau yang menaiki pesawat khas di Lapangan Terbang Antarabangsa Qatar kira-kira jam 9.37 malam (2.37 pagi waktu Malaysia) bersama delegasi, disambut Timbalan Menteri Luar Negeri Qatar, Sultan bin Saad Al Muraikhi bersama-sama Menteri Luar Malaysia, Datuk Seri Mohamad Hasan serta Duta Besar Malaysia ke Qatar, Zamshari Shaharan.

Turut mengiringi Perdana Menteri adalah Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri, Tengku Datuk Seri Zafrul Abdul Aziz dan Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Dr Zambry Abd Kadir.

Anwar dalam lawatan sulung ke Qatar akan mengisi jadual padat bermula dengan sambutan rasmi kerajaan di Amiri Diwan sebelum mengadakan pertemuan bersama Emir Qatar.

Beliau juga dijadual menemui rakan sejawatnya yang juga Menteri Luar Negeri Qatar, Sheikh Mohammed bin Abdulrahman Al Thani di pejabat pentadbiran Emir Qatar itu.




Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Doha malam ini. Turut sama Menteri Luar, Datuk Seri Mohamad Hasan. - Foto BERNAMA

Pertemuan kedua Anwar dan Sheikh Mohammed ini selepas masing-masing bertemu di Riyadh akhir bulan lalu, dilihat signifikan dalam konteks berkaitan konflik Palestin-Israel.

Dalam aspek bisnes dan pelaburan pula, Perdana Menteri dijadual bertemu 30 wakil syarikat di Qatar, dengan kesempatan itu dijangka dimanfaatkan sebaik mungkin untuk memperjelas kelebihan Malaysia dalam usaha menarik pelaburan baharu ke dalam negara.

Beliau juga akan berkongsi pandangan dan idea melalui syarahan umum di Perpustakaan Kebangsaan Qatar, sebelum bertemu kira-kira 400 hingga 500 rakyat Malaysia yang kini menetap di Qatar.

Berdasarkan rekod, terdapat kira-kira 5,000 rakyat Malaysia menetap di Qatar ketika ini dengan nilai dagangan kedua-dua negara direkod mencecah RM4.2 bilion pada tahun lalu.



Lawatan rasmi tiga hari Perdana Menteri ke ibu negara Qatar bermula hari ini hingga 14 Mei dijangka memperhebat hubungan dua hala antara Malaysia dan Qatar yang kini memasuki ulang tahun ke-50 selain meneroka peluang pelaburan baharu antara keduanya. - Foto BERNAMA